
Kebajikan Petugas Kumpulan FGV Terjamin



Kebajikan Petugas Kumpulan FGV Terjamin

Pihak Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) amat kesal dengan berita palsu yang telah menjadi 'viral' sejak 15 Disember 2015 di media sosial, bahawa surat jaminan MediExpress telah disenaraihitam dan surat jaminan yang dikeluarkan oleh FPISB, FGVPM dan FASSB bagi pekerja asing adalah tanpa jaminan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bahagian Sumber Manusia FGV telah mengesahkan bahawa tiada penggantungan dibuat dan perkara ini telah disemak secara teliti dengan pihak KKM, Insurans Takaful Ikhlas dan juga MediExpress.

Pihak FGV menggesa semua pihak agar tidak mengekploitasikan isu ini. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat FGV di groupcorporatecomms@feldaglobal.com